

## PROSES KERJA

**BAHAGIAN : Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Industri Hutan**

**UNIT : Perkilangan Papan**

**FUNGSI UTAMA : Memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkilangan papan dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Hutan dan dasar-dasar pengurusan hutan selaras dengan keperluan pengurusan hutan lestari.**

**AKTIVITI : Menyelaras Proses Permohonan Pengecapan Pokok Dalam Hutan**

**TEMPOH TPOR : Sebelas (11) Hari Waktu Bekerja**

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI TINDAKAN
	<b><u>MULA</u></b>	
1.	Pemohon menghadapkan Borang JPH8A/2018 yang sudah diisi kepada Ketua Cawangan	Pengurus Syarikat Kilang Papan
2.	Pegawai cawangan mengisikan keterangan status balak dalam borang di Bahagian (B)(I).	Penolong Pegawai Perhutanan Tkt II / Pembantu Perhutanan
3.	Borang dihantar ke pejabat UPP di Ibu Pejabat Perhutanan	Penolong Pegawai Perhutanan Tkt II / Pembantu Perhutanan / Pemandu / Kerani
4.	Menghubungi pemohon untuk ke Ibu Pejabat bagi membuat pembayaran yuran perkhidmatan \$50.00.	Pembantu Perhutanan/ Pembantu Perhutanan Rendah
5.	Pemohon mengambil semula borang dan membuat pembayaran di kaunter kewangan.	Pengurus Syarikat Kilang Papan
6.	Memastikan Syarikat Kilang Papan masih mempunyai wang pendahuluan (pre-payment)ada dalam simpanan Unit Kewangan JPH tidak kurang dari \$5,000.00. (Royalty) dan \$2,500.00 (Cess Rate)Permohonan hanya diproses jika tunggakan tuntutan cukai/ suspen akaun/ premium/ sewa tapak sudah dijelaskan.	Kerani (Unit Kewangan JPH) / Kerani Unit Perkilangan Papan
7.	Borang permohonan dihadapkan semula ke kaunter UPP dengan meyeritakan salinan resit pembayaran.	Pengurus Syarikat Kilang Papan
8.	Ketua Unit / Ketua Bahagian akan mempertimbangkan untuk sokongan lanjut ke atas permohonan.	Pegawai Perhutanan
9.	Permohonan dihadapkan kepada Direktorat untuk kebenaran dan pengesahan.	Pengarah Perhutanan / Timbalan Pengarah Perhutanan

10.	Permohonan yang diluluskan akan diambil tindakan lanjut untuk proses di lapangan (konsesi hutan) bagi pengecapan sebanyak 100 pokok yang dipohonkan.	Cawangan: Pembantu Perhutanan / Pembantu Perhutanan Rendah / Pekerja Syarikat Kilang Papan
11.	Pemilihan pokok dilakukan dalam konsesi hutan berdasarkan kemahiran Pengenalan Spesies Pokok dan garispandu had sukatan perepang pokok dilakukan ( Pokok pasaran minima 58 centimeter dan minima 48 centimeter bagi bukan pasaran) dan dicatit ke dalam buku catitan	Pembantu Perhutanan / Pembantu Perhutanan Rendah bersama Pekerja Syarikat Kilang Papan
12.	Penandaan pokok dibuat dengan menandakan nombor pada banir dan pada batang pohon pokok. Pokok dicop pada bahagian banir dan bahagian dan bahagian batang pohon pokok	Pembantu Perhutanan / Pembantu Perhutanan Rendah
13.	Penebangan dan penarikan balak ke matau dijalankan setelah penandaan pokok dilakukan.	Pekerja Syarikat Kilang Papan
14.	Sebelum balak diangkat dan di hantar ke kilang papan, balak akan disukat di matau bagi mendapatkan isi padu dan ditanda dengan nombor berlari (menggunakan tukul nombor) bagi direkodkan dalam buku catitan Log Book.	Pembantu Perhutanan / Pembantu Perhutanan Rendah / Buruh
15.	Laporan senarai balak dari 100 pokok disahkan oleh Ketua Cawangan sebelum dihadapkan ke Ibu Pejabat	Penolong Pegawai PerhutananTkt II / Pembantu Perhutanan
16.	Membuat pengesahan terhadap laporan sebagai rujukan bagitindakan lanjut.	Pegawai Perhutanan
	<b><u>TAMAT</u></b>	